



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 54  
No. 16

5hb Ogos 2010

TAMBAHAN No. 83  
PERUNDANGAN (A)

---

P.U. (A) 261.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH KHAS (PINDAAN) (No. 2) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (7) Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Khas (Pindaan) (No. 2) 2010**.

**Pindaan kaedah 14A**

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah Khas 1994 [P.U. (A) 525/1994] dipinda dalam kaedah 14A—

- (a) dengan menomborkan semula kaedah yang sedia ada sebagai subkaedah (1) kaedah itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subkaedah 14A(1) subkaedah yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan Mahkamah Khas, semua dokumen yang difailkan di Mahkamah Khas adalah rahsia.

(3) Tiada seorang pun boleh hadir dalam mana-mana persidangan Mahkamah Khas kecuali:

- (a) anggota dan pegawai Mahkamah Khas;
- (b) pihak-pihak yang terlibat dengan kes di hadapan Mahkamah Khas, peguam bela dan saksi-saksi dan orang lain yang berkenaan secara langsung dengan kes itu; dan
- (c) mana-mana orang lain yang diberikan kebenaran secara khusus oleh Mahkamah Khas untuk hadir.

(4) Tiada laporan media massa atau apa-apa penerbitan di dalam mana-mana surat khabar, buku atau majalah, atau penyampaian melalui mana-mana perantara elektronik termasuk Internet kecuali Alasan Penghakiman yang diberi, mengenai apa-apa prosiding dalam Mahkamah Khas sama ada pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan, yang boleh mendedahkan nama atau butir-butir yang membolehkan dikenal pasti mana-mana pihak yang terlibat dengan prosiding berkenaan, sama ada sebagai orang yang terhadapnya atau yang berkenaan dengannya tindakan sedang diambil atau sebagai saksi dalam tindakan tersebut.

(5) Tiada apa-apa gambar pun boleh diterbitkan di dalam mana-mana surat khabar, buku atau majalah, atau disampaikan melalui perantara elektronik termasuk Internet, mengenai pihak-pihak yang terlibat dengan prosiding yang tersebut:

Dengan syarat Mahkamah Khas boleh, dalam mana-mana kes, jika berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian mengenepikan sebahagian atau keseluruhan kehendak kaedah ini setakat difikirkan suai manfaat olehnya.

(6) Bagi maksud kaedah ini—

- (a) “media massa” termasuk surat khabar, majalah, buletin dan penerbitan berkala lain dan juga program televisyen dan radio, rakaman alat pandang dengar dan program yang disiarkan untuk tontonan awam dan termasuk juga portal Internet serta lama sesawang;
- (b) “penerbitan” termasuk segala perkara bertulis atau bercetak dan segala benda sama ada atau tidak serupa jenisnya dengan perkara bertulis atau bercetak yang mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat atau yang mengikut rupanya, bentuknya atau dengan apa-apa cara lain boleh menggambarkan perkataan atau idea, dan tiap-tiap salinan dan keluaran semula atau keluaran semula yang substansial apa-apa penerbitan; dan
- (c) “penyampaian” termasuklah siaran melalui radio atau televisyen.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (4) dan (5) boleh dikenakan tindakan penghinaan.”.

Dibuat 21 Julai 2010  
[KP/MPM(R)012; JPN(R)152/71pt.XIV Jld. 2]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

#### FEDERAL CONSTITUTION

#### RULES OF THE SPECIAL COURT (AMENDMENT) (No. 2) 2010

In exercise of the powers conferred by Clause (7) of Article 182 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong, on the advice of the Chief Justice of the Federal Court, makes the following rules:

#### Citation

1. These rules may be cited as the **Rules of the Special Court (Amendment) (No. 2) 2010**.

#### Amendment of rule 14A

2. The Rules of the Special Court 1994 [P.U. (A) 525/1994] are amended in rule 14A—

- (a) by renumbering the existing rule as subrule (1) of that rule; and
- (b) by inserting after subrule 14A(1) the following subrules:

“(2) Subject to any direction by the Special Court, all documents filed in the Special Court shall be confidential.

(3) No person shall be present at any sitting of a Special Court except:

- (a) members and officers of the Special Court;
- (b) parties involved in the case before the Special Court, advocates and witnesses and other persons directly concerned in that case; and
- (c) such other persons as the Special Court may specially authorize to be present.

(4) There shall be no mass media report or any publication in any newspaper, book or magazine, or transmission through any electronic medium, including the Internet, other than the Grounds of Judgment delivered, or any proceedings in a Special Court be

it at the pre-trial, trial or post trial stage that reveal the name or particulars leading to the identification, of any parties concerned in those proceedings, either as being the person against or in respect of whom the proceedings are taken or as being a witness therein.

(5) There shall be no publication in any newspaper, book or magazine, or transmission through any electronic medium, including the Internet, or any picture of any parties so concerned in any such proceedings as aforesaid:

Provided that the Special Court may, in any case, if satisfied that it is in the interest of justice to so do dispense with any or all the requirements of this rule to such extent as it may deem expedient.

(6) For the purpose of this rule—

- (a) “mass media” includes newspapers, magazines, bulletins and other periodical publications, as well as television and radio programmes, audiovisual recordings and programmes released for public viewing and also includes Internet portals and websites;
- (b) “publication” includes all written or printed matter and everything whether of a nature similar to written or printed matter or not containing any visible representation or by its form, shape or in any other manner capable of suggesting words or ideas, and every copy and reproduction or substantial reproduction of any publication; and
- (c) “transmission” includes broadcast by radio or television.

(7) Any person who contravenes subrules (4) and (5) may be cited for contempt.”.

Made 21 July 2010  
[KP/MPM(R)012; JPN(R)152/71pt.XIV Jld. 2]

By Command

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN  
*Secretary to the Cabinet*

P.U. (A) 262.

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut: